

H0272101 MA1320029125 22/07/2020 14:17:08

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI MELAKA

TSP055.....80.00 x 1

DALAM NEGERI MELAKA

*****80.00

SAMAN PEMULA NO. MA-24NCC-4-07/2020

Dalam perkara mengenai MDSA VENTURES SDN BHD (No. Syarikat 1005179-W)

Dan

Dalam perkara mengenai skim perkiraan dan kompromi yang dicadangkan antara Pemohon dan Pemiutang-Skim menurut seksyen 366 Akta Syarikat 2016

Dan

Dalam perkara mengenai seksyen-seksyen 366, 368, 369 dan 370 Akta Syarikat 2016

Dan

Dalam perkara mengenai Aturan 88 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan bidangkuasa sedia ada Mahkamah Yang Mulia ini

**MDSA VENTURES SDN BHD
(No. Syarikat 1005179-W)**

... PEMOHON

**DI HADAPAN PESURUHJAYA KEHAKIMAN
MAIDZUARA BINTI MOHAMMED**

PADA 10 JULAI 2020

DALAM KAMAR

P E R I N T A H

DI ATAS PERMOHONAN Pemohon dalam tindakan ini melalui Saman Pemula Ex-Parte (Kandungan 1) bertarikh 01 Julai 2020, **DAN SETELAH MENDENGAR** Lee Shih bersama dengan Nathalie Ker, kaunsel bagi pihak Pemohon dan Jaspal Singh Gill, peguamcara bagi pihak Pemohon **MAKA DENGAN INI PADA HARI INI DIPERINTAHKAN BAHAWA:-**



Kebenaran untuk Mesyuarat Diarahkan Mahkamah

- (1) Suatu Perintah di bawah seksyen 366(1) Akta Syarikat 2016 untuk memanggil mesyuarat-mesyuarat ("**Mesyuarat-Mesyuarat Skim**") pemiutang-pemiutang Pemohon atau mana-mana kelas pemiutang ("**Pemiutang-Pemiutang Skim**") untuk tujuan mempertimbangkan dan, sekiranya dianggap sesuai, meluluskan dengan atau tanpa pengubahsuaian (yang mana pengubahsuaian boleh dibuat pada bila-bila masa sebelum dan/atau pada Mesyuarat-Mesyuarat Skim) skim perkiraan dan kompromi yang dicadangkan antara Pemohon dan Pemiutang-Pemiutang Skim ("**Skim Penyusunan**"), di mana pelan rangka yang luas adalah dinyatakan dalam Skim Cadangan kepada affidavit oleh Tan June Teng Colin @ Chen Junting yang dfailkan pada 01.07.2020;
- (2) Mesyuarat-Mesyuarat Skim akan dipanggil dalam cara yang dibutirkan dalam **Lampiran A** di sini;

Perintah Halangan

- (3) Bahawa suatu perintah halangan ("**Perintah Halangan**") diberikan di bawah seksyen 368(1) Akta Syarikat 2016, di mana segala prosiding dan/atau prosiding selanjutnya dalam apa-apa tindakan atau prosiding terhadap Pemohon dan/atau aset-aset Pemohon (tidak kira di mana terletak, dan samada dipegang oleh Pemohon secara penuh atau sebahagian, secara langsung atau tidak langsung, sebagai prinsipal atau agen, secara benefisial atau tidak), termasuk, tanpa menyimpang daripada keumuman di atas:



- (i) prosiding Mahkamah, penggulungan syarikat dan prosiding timbang tara dan juga apa-apa prosiding yang diniatkan atau prosiding masa depan;
- (ii) proses pelaksanaan atau penguatkuasaan, prosiding luar bidang kehakiman atau apa-apa prosiding yang lain;
- (iii) apa-apa prosiding dalam Mahkamah Perusahaan dan/atau Mahkamah Buruh;
- (iv) apa-apa prosiding di bawah Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012;
- (v) apa-apa prosiding dalam mana-mana tribunal di bawah mana-mana statut;
- (vi) tuntutan-tuntutan untuk pembayaran, pelaksanaan atau pelaksanaan yang diniatkan terhadap apa-apa lien, sekuriti, akujanji dan jaminan di bawah mana-mana dokumen atau dokumen sekuriti; dan
- (vii) pengendalian aset-aset tersebut dalam apa-apa cara atau memasuki mana-mana premis di mana aset-aset tersebut mungkin terletak kecuali dengan kebenaran bertulis terdahulu Pemohon atau atas arahan lanjut Mahkamah Yang Mulia ini;

adalah dan dengan ini dihalang secara serta-merta dan digantung kecuali dengan kebenaran oleh Mahkamah Yang Mulia ini, untuk tempoh selama tiga (3) bulan dari tarikh Perintah di sini dan tertakluk kepada terma-terma lanjut yang mungkin dikenakan oleh Mahkamah Yang Mulia ini;

- (4) Perintah Halangan hendaklah mengecualikan pemiutang bank Pemohon berikut: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad;



- (5) Perintah Larangan adalah berkesan dan sah dan mengikat mana-mana pihak yang terjejas, tidak kira sama ada pihak yang terjejas bukanlah pihak kepada prosiding-prosiding ini dan tidak mempunyai notis terhadap prosiding-prosiding ini;
- (6) Perintah Larangan adalah dianggap diserahkan secara kediri ke atas pihak-pihak yang terjejas dengan Perintah Larangan dan sekiranya pihak tersebut adalah suatu syarikat, serahan ke atas syarikat tersebut dan juga ke atas semua pengarah-pengarah dengan cara meletakkan melalui suatu iklan salinan Perintah Larangan, sekali dalam satu surat khabar yang diedarkan secara luas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan, sekali dalam satu surat khabar yang diedarkan di rantau selatan Malaysia dalam bahasa kebangsaan, sekali dalam satu surat khabar yang diedarkan secara luas di Malaysia dalam Bahasa Inggeris, dan sekali dalam satu surat khabar yang diedarkan di rantau selatan Malaysia dalam Bahasa Inggeris, dan bahawa serahan adalah dianggap dibuat pada tarikh penerbitan iklan-iklan tersebut;
- (7) Perintah Larangan diserahkan oleh Pemohon dengan Pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Perintah di sini;
- (8) Ezzedine Abdul Razak diluluskan untuk bertindak sebagai pengarah Pemohon di bawah seksyen 368(2)(d) Akta Syarikat 2016;

Relif-relif Am

- (9) Bahawa Pemohon diberi kebebasan untuk memohon kepada Mahkamah Yang Mulia ini untuk perintah-perintah dan/atau arahan-arahan selanjutnya dan/atau apa-apa pengubahan terhadap perintah-



perintah masing-masing termasuk mana-mana perlanjutan Perintah Halangan;

- (10) Pemohon diberi kebebasan untuk memohon kepada Mahkamah Yang Mulia ini untuk membuat apa-apa peraturan berkenaan dengan pemanggilan Mesyuarat-Mesyuarat Skim, apa-apa lanjutan tempoh yang diperuntukkan oleh Perintah yang dibuat berkenaan dengan yang sama, apa-apa penjualan dan/atau pelupusan aset-aset, apa-apa pengesahan transaksi, dan adjudikasi atau keputusan terhadap pengesahan apa-apa bukti keberhutangan; dan
- (11) Sekiranya Skim Perkiraan adalah diluluskan dalam Mesyuarat Skim, maka Pemohon diberi kebebasan untuk memohon satu Perintah Mahkamah untuk meluluskan Skim Perkiraan di bawah seksyen 366(4) (dan jika perlu, seksyen 370) Akta Syarikat 2016, dengan pengubahsuaian yang diluluskan dalam Mesyuarat Skim, dan tertakluk kepada pindaan-pindaan atau syarat-syarat yang dianggap adil oleh Mahkamah Yang Mulia ini, untuk mengikat Pemohon dan Pemiutang Skim.

Bertarikh pada 10 Julai 2020.



MUHAMMAD HIDAYAT BIN WAHAB
Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Melaka

Perintah ini telah difailkan oleh **TETUAN SEKAR GILL & C. SUREN**, Peguamcara bagi pihak Pemohon yang dinamakan di atas di mana alamat untuk penyampaian adalah di No. 507 & 507-A, Jalan Melaka Raya 12, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka. [Tel: 06-286 8312, Fax: 06-286 8310]
(Ref: JS/MVSB/140/20/L)



LAMPIRAN A

1. Bahawa Pemohon diberi kebebasan untuk menetapkan tarikh, masa dan tempat (sama ada di satu atau lebih daripada satu tempat, dan sama ada tempat fizikal, atas talian atau gabungan tempat fizikal dan atas talian) Mesyuarat-Mesyuarat Skim, tertakluk kepada Mesyuarat-Mesyuarat Skim diadakan antara pukul 9.00 pagi dan 5.00 petang dan dalam tempoh tiga (3) bulan (atau mana-mana tempoh yang diperintahkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini) dari tarikh Perintah di sini.

2. Bahawa Pemohon diberi kebebasan untuk mengadakan Mesyuarat-Mesyuarat Skim secara atas talian dengan menggunakan apa-apa teknologi atau kaedah lain yang membolehkan Pemiutang Skim memerhatikan prosiding-prosiding Mesyuarat Skim secara audio atau video.

3. Bahawa mana-mana pengarah Pemohon atau sesiapa yang dinamakan oleh Pemohon dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat-Mesyuarat Skim.

4. Bahawa Skim-Skim Mesyuarat harus dipanggil dengan memberikan notis tidak kurang dari empat belas (14) hari kepada Pemiutang-Pemiutang Skim dan bahawa notis sedemikian adalah dianggap telah diserahkan secara sempurna melalui pengiklanan ("**Pengiklanan**") sekali dalam Bahasa Inggeris dalam surat khabar "*The New Straits Times*" dan sekali dalam Bahasa Kebangsaan dalam surat khabar "*Berita Harian*" masing-masing dan notis Mesyuarat-Mesyuarat Skim



adalah dianggap telah diserahkan ke atas setiap Pemiutang Skim sehari selepas kedua-dua Pengiklanan tersebut.

5. Pemohon akan menghantar:

- (a) Sesalinan notis memanggil Mesyuarat-Mesyuarat Skim;
- (b) Pernyataan Penjelasan yang diperlukan di bawah seksyen 369(1)(a) Akta Syarikat 2016; dan
- (c) Dokumen-dokumen sokongan yang lain termasuk borang proksi ("**Dokumen Skim**" secara kolektif)

secara pos berdaftar kepada semua Pemiutang-Pemiutang Skim yang mana Pemohon mempunyai alamat di mana dan alamat tersebut adalah difahamkan oleh Pemohon sebagai alamat Pemiutang-Pemiutang Skim terakhir yang diketahui oleh Pemohon.

6. Pemohon akan menyediakan salinan-salinan Dokumen Skim untuk Pemiutang Skim di alamat berdaftar Pemohon yang beralamat di 48, Jalan Kota Laksaman 2/15, Taman Kota Laksamana, Seksyen 2, 75200 Melaka dari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) antara pukul 10.00 pagi dan 1.00 petang dan antara pukul 2.00 petang dan 5.00 petang.

7. Pemiutang-Pemiutang Skim yang berhak dan berniat untuk mengundi tetapi tidak dapat menghadiri Mesyuarat-Mesyurat Skim secara bersendirian atau, yang mana adalah terpakai, tidak dapat menghadiri Mesyuarat-Mesyuarat Skim atas talian, boleh melantik proksi untuk



hadir dan mengundi dalam Mesyuarat Skim bagi pihak mereka. Borang-borang proksi haruslah dilengkapkan, ditandatangani dan dikembalikan menurut arahan-arahan yang tertera. Sekiranya seseorang Pemiutang Skim gagal menyerahkan borang proksi kepada alamat berdaftar Pemohon sekurang-kurangnya 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk Mesyuarat-Mesyuarat Skim, maka proksi Pemiutang-Pemiutang Skim tersebut tidak berhak untuk mengundi di Mesyuarat Skim kecuali dibenarkan untuk mengundi atas budi bicara tunggal dan mutlak Pengerusi Mesyuarat Skim.

8. Pengerusi Mesyuarat Skim akan melaporkan keputusan undi Mesyuarat-Mesyuarat Skim kepada Mahkamah Yang Mulia ini secepat yang mungkin selepas Mesyuarat-Mesyuarat Skim diselesaikan.



IN THE HIGH COURT OF MALAYA AT MALACCA

IN THE STATE OF MALACCA

ORIGINATING SUMMONS NO. MA-24NCC-4-07/2020

In the matter of MDSA VENTURES SDN BHD (Company No. 1005179-W)

And

In the matter of a proposed scheme of arrangement and compromise between the Applicant and its Scheme Creditors pursuant to section 366 of the Companies Act 2016

And

In the matter of sections 366, 368, 369 and 370 of the Companies Act 2016

And

In the matter of Order 88 of the Rules of Court 2012 and the inherent jurisdiction of this Honourable Court

**MDSA VENTURES SDN BHD
(Company No. 1005179-W)**

... APPLICANT

**BEFORE THE JUDICIAL COMMISSIONER
MAIDZUARA BINTI MOHAMMED**

THIS 10TH DAY OF JULY 2020

IN CHAMBER

O R D E R

UPON THE APPLICATION of the Applicant in this action **AND UPON READING** the Originating Summons Ex-Parte (Enclosure 1) dated 01st July 2020, **AND UPON HEARING** Lee Shih together with Nathalie Ker, counsel for the Applicants and Jaspal Singh Gill, solicitor for the Applicant, **THIS COURT DOTH ORDER:-**



Leave for the Court Convened Meeting

- (1) An Order pursuant to section 366(1) of the Companies Act 2016 to summon meeting(s) ("**Scheme Meeting(s)**") of the creditors of the Applicant or any class of them ("**Scheme Creditors**") for the purpose of considering and, if thought fit, approving with or without modification (which modification can be made any time prior to and/or at the Scheme Meeting(s)) the scheme of arrangement and compromise proposed between the Applicant and the Scheme Creditors ("**Scheme of Arrangement**"), the broad outlines of which are set out in the Scheme Proposal to the affidavit of Tan June Teng Colin @ Chen Junting filed on 01.07.2020;

- (2) The Scheme Meeting(s) be convened in the manner as set out in **Annexure A** herein;

Restraining Order

- (3) That a restraining order ("**Restraining Order**") be granted pursuant to section 368(1) of the Companies Act 2016, whereby all proceedings and/or further proceedings in any action or proceedings against the Applicant and/or its assets (wherever located, and whether held by the Applicant in whole or in part, directly or indirectly, as principal or agent, beneficially or otherwise), including, without derogating from the generality of the foregoing:



- (i) Court, winding up and arbitration proceedings as well as any intended or future proceedings;
- (ii) execution or enforcement process, extra-judicial proceedings or other proceedings;
- (iii) any proceedings in the Industrial Court and/or Labour Court;
- (iv) any proceedings under the Construction Industry Payment and Adjudication Act 2012;
- (v) any proceedings in any tribunal under any statute;
- (vi) demands for payment, exercise or intended exercise of any liens, securities, undertakings and guarantees under any documents or security documents; and
- (vii) the dealing with such assets in any way or entering upon any premises upon which such assets may be located except with the prior written consent of the Applicant or upon further order of this Honourable Court;

be and is hereby forthwith restrained and stayed except by leave of this Honourable Court, for a period of three (3) months from the date of this Order and subject to such terms as this Honourable Court may impose;

- (4) That the Restraining Order shall exclude the following bank creditor of the Applicant: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad;
- (5) The Restraining Order shall be effective and valid and shall be binding on any person thereby affected, notwithstanding that the person so



affected is not a party to these proceedings and has had no notice of these proceedings;

- (6) The Restraining Order shall be deemed to be personally served on all persons affected by the Restraining Order and if such person is a company, on the company as well as on all the directors thereof by way of placing via an advertisement, a copy of the Restraining Order, once in one widely circulated newspaper in Malaysia in the national language, once in one newspaper circulated in the southern region of Malaysia in the national language, once in one widely circulated newspaper in Malaysia in the English language, and once in one newspaper circulated in the southern region of Malaysia in the English language, and that service be deemed effected on the day of the publication of such advertisement;
- (7) The Restraining Order be lodged by the Applicant with the Registrar of the Companies Commission of Malaysia within seven (7) days of the date of this Order;
- (8) That Ezzedine Abdul Razak be approved to act as director of the Applicant pursuant to section 368(2)(d) of the Companies Act 2016;

General Relief

- (9) That the Applicant be at liberty to apply to this Honourable Court for further orders and/or directions and/or any variation of the respective Orders, including any extension of the Restraining Order;



- (10) That the Applicant be at liberty to apply to this Honourable Court for the making of any rules in relation to the holding of the Scheme Meeting(s), any extension of any period prescribed by any Order made in respect of the same, any sale and/or disposal of assets, any validation of transactions, and the adjudication or determination of the validity of any proof of debt; and
- (11) In the event that the Scheme of Arrangement is approved at the Scheme Meeting(s), that pursuant to section 366(4) (and, if necessary, section 370) of the Companies Act 2016, the Applicant be at liberty to apply for an Order of Court approving the Scheme of Arrangement, with such modifications as are approved at the Scheme Meeting(s), and subject to such alterations or conditions as this Honourable Court thinks just, so as to be binding between the Applicant and the Scheme Creditors.

Dated this 10th July 2020.



This Order is filed by **MESSRS SEKAR GILL & C. SUREN**, Advocates & Solicitors, solicitors for the Applicant abovenamed whose address for service is at No. 507 & 507-A, Jalan Melaka Raya 12, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka. [Tel: 06-286 8312, Fax: 06-286 8310]

(Ref: JS/MVSB/140/20/L)



ANNEXURE A

1. The Applicant be at liberty to fix the date, time and venue(s) (whether at one or more venues, and whether a physical, virtual or combination of a physical and virtual venue) of the Scheme Meeting(s), subject to holding the Scheme Meeting(s) between 9.00am and 5.00pm and within three (3) months (or such other period as this Honourable Court may order) from the date of this Order.

2. That the Applicant be at liberty to hold the Scheme Meeting(s) remotely using any technological or other method which allows the Scheme Creditors to observe the proceedings of the Scheme Meeting(s) by audio or video means.

3. That any director of the Applicant or any person to be nominated by the Applicant be appointed to act as Chairman of the Scheme Meeting(s).

4. The Scheme Meeting(s) shall be summoned by giving not less than fourteen (14) days' notice to the Scheme Creditors and that such notice shall be deemed to have been properly served by way of advertisements ("**Advertisements**") once in English in "*The New Straits Times*" newspaper and once in the national language in the "*Berita Harian*" newspaper respectively and that notice of the Scheme Meeting(s) shall be deemed to have been duly served on each Scheme Creditor the day after publication of both Advertisements.



5. The Applicant will send:

- (a) a notice convening the Scheme Meeting(s);
- (b) the Explanatory Statement required pursuant to section 369(1)(a) of the Companies Act 2016; and
- (c) all other ancillary documents including the proxy form (collectively, the “**Scheme Documents**”)

via registered post to all Scheme Creditors for whom the Applicant has an address, which address the Applicant understands to be the last known address of that Scheme Creditor.

6. The Applicant shall make available to all Scheme Creditors copies of the Scheme Documents at the registered office of the Applicant located at 48, Jalan Kota Laksamana 2/15, Taman Kota Laksamana, Seksyen 2, 75200 Melaka from Mondays to Fridays (except for public holidays) between the hours of 10.00am and 1.00pm and between 2.00pm and 5.00pm.

7. Scheme Creditors who are entitled and who wish to vote but are unable to attend the Scheme Meeting(s) in person or, where applicable, unable to attend the Scheme Meeting(s) held remotely, may appoint a proxy to attend and vote at the Scheme Meeting(s) on their behalf. Proxy forms must be completed, signed and returned in accordance with the instructions printed thereon. If a Scheme Creditor fails to lodge a proxy form at the registered office of the Applicant at least 48 hours before the time fixed for the Scheme Meeting(s), the



proxy of such Scheme Creditor shall not be entitled to vote at the Scheme Meeting(s) unless so admitted to vote at the sole and absolute discretion of the Chairman of the Scheme Meeting(s).

8. The Chairman of the Scheme Meeting shall report the voting results of the Scheme Meeting(s) to this Honourable Court as soon as practicable after the conclusion of the Scheme Meeting(s).

